



Rujukan: UKM.PDF.100/1/3/1

Tarikh: 29 November 2023

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 23/2023

SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERMOHONAN MEMBAWA BAKI CUTI REHAT KE TAHUN 2024 DAN/ATAU PENGUMPULAN
GANTIAN CUTI REHAT (GCR) UNTUK AWARD WANG TUNAI TAHUN 2023

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan ini ingin menarik perhatian pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/Puan berhubung punca kuasa bagi permohonan membawa baki cuti rehat ke tahun hadapan dan pengumpulan GCR seperti berikut:

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Kemudahan Cuti, Versi 1.0 (2022), Ceraian SR.5.1.6 - Kemudahan membawa ke hadapan cuti yang tidak dapat diambil bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan; dan
- (ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Persaraan dan Faedah Persaraan, Versi 1.0 (2022), Ceraian PP.1.3.1 - Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR).

3. Sesuai dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia seperti di atas, baki cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan atas sebab kepentingan perkhidmatan boleh dipertimbangkan untuk dibawa ke tahun hadapan dan pengumpulan GCR untuk award wang tunai. Permohonan boleh dibuat melalui pautan sistem e-Cuti <https://smk.ukm.my/ecuti> mulai **1 DISEMBER 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2023**.

4. Bagi kelancaran proses permohonan membawa baki cuti rehat ke tahun hadapan dan/atau pengumpulan GCR, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan perlu memastikan semua permohonan cuti rehat tahun 2023 telah diluluskan oleh Pelulus Cuti sebelum tindakan membawa baki cuti rehat dan pengumpulan GCR dilaksanakan. Cetakan surat pengesahan boleh dibuat pada menu permohonan bawa baki cuti rehat dan pengumpulan GCR (sekiranya perlu).

5. Bersama-sama ini, dilampirkan Jadual Pelaksanaan Permohonan Bawa Baki Cuti Rehat & Gantian Cuti Rehat (GCR) (**Lampiran A**), Soalan Lazim dan Infografik untuk panduan dan rujukan YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

6. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./ Tan Sri/Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai berikut:

BIL.	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO. TELEFON
KAMPUS BANGI			
1.	Puan Fatimah Othman Ketua Penolong Pendaftar Kanan Unit Elaun, Saraan & Prestasi Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	uesp.bsm@ukm.edu.my/ fatimahothman@ukm.edu.my	03-8911 8222
2.	Puan Ainur Amirah Rawi Penolong Pegawai Tadbir Unit Elaun, Saraan & Prestasi Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	ainur@ukm.edu.my	03-8911 8239
3.	Puan Siti Juhaidah Mohd Sharif Pembantu Tadbir Unit Elaun, Saraan & Prestasi Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	juhaidahsharif@ukm.edu.my	03-8911 8254
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ			
1.	Puan Siti Najiehah Mohd Sukarno Penolong Pendaftar Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Canselor Tuanku Muhriz	sitinajiehah@ppukm.ukm.edu. my	03-9145 5148
2.	Puan Nur Atiqah Muhamad Tahar Penolong Pegawai Tadbir Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Canselor Tuanku Muhriz	atiqahtahar@ppukm.ukm.edu. my	03-9145 5157
HOSPITAL PAKAR KANAK-KANAK UKM			
1.	Encik Mohd Ehsan Rajiain Penolong Pendaftar Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM	ehsan.rajiain@ukm.edu.my	03-9174 8660



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

Sekian, terima kasih.

"Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti"

Yang benar,



DATO' DR. SYED KAMARUDIN BIN HJ. SADAKKUTHULLA
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan - Timbalan Naib Canselor
- Bendahari
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-Undang
- Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
- Pengarah Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
Hospital Pakar Kanak-kanak UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

**JADUAL PELAKSANAAN PERMOHONAN BAWA BAKI CUTI REHAT KE TAHUN 2024
DAN/ATAU GANTIAN CUTI REHAT (GCR) TAHUN 2023**

PERKARA	TINDAKAN	TARIKH
Permohonan Cuti Rehat bagi tahun 2024 dibuka	Semua Staf	10 November 2023 (Jumaat)
Permohonan Bawa Baki Cuti Rehat dan Gantian Cuti Rehat (GCR) dibuka	Semua Staf	1 Disember 2023 (Jumaat) hingga 31 Disember 2023 (Ahad) *Sebarang rayuan selepas tarikh ini tidak akan dipertimbangkan
Pengesahan Bawa Baki Cuti Rehat dan Gantian Cuti Rehat (GCR) Tahun 2023	Pelulus Cuti & Pengesah Cuti Luar Negara	1 Disember 2023 (Jumaat) hingga 3 Januari 2024 (Rabu)
Penjanaan Baki Cuti Semasa iaitu Jumlah Bawa Baki Dari Tahun 2023 & Kelayakan Cuti Tahunan	Pusat Teknologi Maklumat & Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar	4 Januari 2024 (Khamis)
Semakan Permohonan Bawa Baki Cuti Rehat dan Gantian Cuti Rehat (GCR)	Semua Staf	5 Januari 2024 (Jumaat) hingga 10 Januari 2024 (Rabu)

NOTA :

Semua permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian serta mematuhi tarikh yang telah ditetapkan. Kegagalan staf melaksanakan tanggungjawab ini boleh mengakibatkan hilang kelayakan Bawa Baki Cuti Rehat ke tahun 2024 dan Gantian Cuti Rehat (GCR) bagi tahun 2023.


Disediakan oleh:

*Unit Elaun, Saraan dan Prestasi
Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia*

SOALAN LAZIM
PERMOHONAN BAWA BAKI CUTI REHAT KE TAHUN 2024 & GANTIAN CUTI REHAT (GCR) TAHUN 2023

BIL.	SOALAN	JAWAPAN												
1.	<p>Bilakah warga UKM boleh mula membuat permohonan bawa baki cuti rehat ke tahun 2024 & Gantian Cuti Rehat (GCR) Tahun 2023?</p> <p>Siapakah yang layak membuat permohonan?</p>	<p>Permohonan bawa baki cuti rehat ke tahun 2024 & Gantian Cuti Rehat (GCR) Tahun 2023 dibuka kepada warga UKM mulai 1 Disember 2023 sehingga 31 Disember 2023.</p> <p>Pegawai yang layak:</p> <ol style="list-style-type: none"> Lantikan Tetap (termasuk tempoh percubaan) Lantikan Sementara Memilih Skim Pencen / KWSP 												
2.	<p>Berapakah kadar kelayakan cuti rehat bagi pegawai lantikan tetap, percubaan dan sementara untuk membawa baki cuti rehat & GCR?</p>	<p>Kadar Kelayakan Cuti Rehat adalah seperti berikut:</p> <p>Bawa baki: Jumlah maksimum cuti rehat yang boleh dibawa ke tahun hadapan adalah sebanyak 2 tahun Kelayakan Cuti Tahunan.</p> <p>GCR: Jumlah maksimum cuti rehat yang boleh dikumpul bagi GCR ialah 15 hari atau ½ daripada kadar cuti rehat yang layak pada tahun tersebut.</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="background-color: black; color: white;">JENIS CUTI</th> <th colspan="3" style="background-color: black; color: white;">CUTI REHAT</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="background-color: #e0e0e0;">Kelayakan Cuti Rehat Tahunan</td> <td style="background-color: #e0e0e0;">35 hari</td> <td style="background-color: #e0e0e0;">30 hari</td> <td style="background-color: #e0e0e0;">25 hari</td> </tr> <tr> <td style="background-color: #e0e0e0;">GCR Maksimum Untuk 1 Tahun</td> <td style="background-color: #e0e0e0;">15 hari</td> <td style="background-color: #e0e0e0;">15 hari</td> <td style="background-color: #e0e0e0;">10 hari</td> </tr> </tbody> </table>	JENIS CUTI	CUTI REHAT			Kelayakan Cuti Rehat Tahunan	35 hari	30 hari	25 hari	GCR Maksimum Untuk 1 Tahun	15 hari	15 hari	10 hari
JENIS CUTI	CUTI REHAT													
Kelayakan Cuti Rehat Tahunan	35 hari	30 hari	25 hari											
GCR Maksimum Untuk 1 Tahun	15 hari	15 hari	10 hari											

3.	<p>Pegawai yang dilantik sementara untuk tempoh 1 tahun mulai 4 Januari 2023 hingga 3 Januari 2024, adakah layak untuk membawa baki cuti rehat & GCR?</p>	<p>Layak untuk membawa baki cuti rehat dan GCR berdasarkan baki cuti rehat dan kelayakan. Walau bagaimanapun, cuti rehat yang berkelayakan hendaklah dihabiskan sebelum berakhir tempoh lantikan semasa.</p> <p>Sekiranya cuti rehat yang masih berbaki tidak dihabiskan dalam tempoh pelantikan, baki cuti rehat adalah dianggap sebagai lupus.</p> <p>Tindakan lucuthak emolumen boleh diambil, sekiranya pegawai menggunakan cuti rehat bagi hari yang melebihi kelayakan.</p>
4.	<p>Adakah pegawai yang dilantik sementara mulai 1 Mei 2023 hingga 30 April 2024 layak untuk membawa baki cuti rehat & GCR?</p>	<p>Layak untuk membawa baki cuti rehat dan GCR kerana tempoh lantikan masih berbaki pada tahun berikutnya.</p>
5.	<p>Adakah pegawai yang dilantik secara kontrak (<i>Contract of Service</i>) mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 layak untuk membawa baki cuti rehat & GCR?</p>	<p>Pegawai hanya layak untuk memohon GCR berdasarkan kelayakan iaitu 15 hari atau ½ daripada kadar cuti rehat yang berkelayakan pada tahun berkenaan.</p> <p>Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman sesawang Jabatan Pendaftaran: https://www.ukm.my/pendaftaran/wp-content/uploads/2023/03/Borang-Gantian-Cuti-Rehat-Pegawai-Lantikan-Kontrak.pdf</p>
6.	<p>Adakah pegawai yang dilantik secara kontrak (<i>Contract of Service</i>) untuk tempoh 2 tahun mulai 1 Oktober 2022 hingga 30 September 2024 layak untuk membawa baki cuti rehat & GCR?</p>	<p>Pegawai layak untuk membawa baki cuti rehat sahaja berdasarkan kelayakan dalam tempoh pelantikan semasa.</p> <p>Pegawai hanya layak untuk memohon GCR pada tahun terakhir berdasarkan kelayakan iaitu 15 hari atau ½ daripada kadar cuti rehat yang berkelayakan pada tahun berkenaan.</p> <p>Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman web Jabatan Pendaftaran: https://www.ukm.my/pendaftaran/wp-content/uploads/2023/03/Borang-Gantian-Cuti-Rehat-Pegawai-Lantikan-Kontrak.pdf</p>

7.	Adakah pegawai yang dilantik secara kontrak menggunakan dana penyelidikan [UKM (PER) bermula dengan (KQ)] layak untuk membawa baki cuti rehat & GCR?	<p>Pegawai layak untuk membawa baki cuti rehat sahaja berdasarkan kelayakan dalam tempoh pelantikan semasa.</p> <p>Pegawai tidak layak untuk memohon GCR.</p>
8.	Apakah tindakan yang perlu diambil apabila permohonan bawa baki cuti rehat ke tahun 2024 & GCR tahun 2023 dibuka?	<p>Semua pegawai yang berkelayakan perlu log masuk ke dalam sistem e-Cuti (https://smk.ukm.my/ecuti/index.cfm)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masukkan UKM (PER) dan kata laluan. • Klik pada menu GCR & Bawa Baki (seperti rajah di bawah). • Sila Pilih GCR/Bawa Baki. • Input bilangan GCR/Bawa Baki. • Kemas. • Hantar. • Cetak Surat Pengesahan (jika perlu).  <p>The screenshot shows a vertical menu with the following items: Profil, Bantuan, INDIVIDU, Permohonan Cuti, Rehat, GCR & Bawa Baki (highlighted with a grey background and a white arrow), Tanpa Rekod (Gantian), Tanpa Rekod (Rasmi), Cuti Tanpa Rekod, Haji, and Umrah.</p>

**CONTOH SEMAKAN PERMOHONAN BAWA BAKI CUTI KE TAHUN HADAPAN DAN
GCR GANTIAN WANG TUNAI TAHUN 2022**

JAWATAN	PEMBANTU TADBIR (P/O) N19
TARAF JAWATAN	PERCUBAAN
SKIM	KWSP
KELAYAKAN TAHUNAN	20 Hari
BAKI CUTI 2022	2 Hari
PERMOHONAN CUTI BELUM LULUS	- Tiada -
GCR SEHINGGA TAHUN 2021	1 hari
PERMOHONAN TAHUN 2022	Dilulus oleh: 22/12/2022 [FATIMAH BINTI OTHMAN ([REDACTED])] Bengesahan oleh: 23/12/2022 [SYED KAMARUDIN BIN SADAKKUTHULLA ([REDACTED])]

SILA PILIH **GCR** **BAWA BAKI**

INPUT BIL HARI
1 HARI

KENYATAAN PEKELING

INPUT MAKSIMUM BILANGAN HARI GCR (GANTIAN WANG TUNAI): 1/2 KELAYAKAN CUTI TAHUNAN DAN MAKSIMUM 15 HARI SAHAJA

- > HAD MAKSIMUM GCR (GANTIAN WANG TUNAI) 160 HARI
- > GCR MELEBIHI 160 HARI: DIGUNAKAN SEBAGAI CUTI REHAT PADA TAHUN PERSARAAN (12 BULAN SEBELUM TARIKH BERSARA)

BAWA BAKI **1 HARI**

[MAKSIMUM 2 TAHUN KELAYAKAN CUTI TAHUNAN

Cetak dan Surat

9.	Apakah implikasi sekiranya pegawai tidak membuat permohonan bawa baki cuti rehat ke tahun 2024 & GCR tahun 2023.	Kegagalan pegawai melaksanakan tanggungjawab ini boleh mengakibatkan hilang kelayakan bawa baki cuti rehat ke tahun 2024 dan GCR bagi tahun 2023.
10.	Adakah baki akhir cuti rehat tahun 2023 dibawa secara automatik ke tahun hadapan?	<p>Baki akhir cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan pada setiap tahun kalendar adalah tidak automatik dibawa ke tahun hadapan.</p> <p>Permohonan bawa baki cuti rehat ke tahun hadapan perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan dan dibuat melalui sistem e-Cuti.</p> <p>Jika pegawai tidak mengambil tindakan membawa baki cuti rehat ke tahun 2024 dalam tempoh yang ditetapkan, baki cuti rehat yang ada dianggap lupus.</p>
11.	Sekiranya pegawai tersalah mengisi maklumat permohonan bawa baki cuti rehat ke tahun 2024 & GCR tahun 2023, adakah maklumat tersebut boleh dipinda?	Permohonan adalah muktamad dan tidak boleh dipinda . Oleh itu, pegawai dinasihatkan untuk meneliti baki cuti rehat dan GCR sebelum menghantar permohonan.
12.	Jika pegawai telah membuat permohonan membawa baki cuti rehat dan GCR dan telah diluluskan, adakah pegawai masih boleh memohon cuti rehat jika berlaku kecemasan?	Pegawai boleh memohon cuti rehat dan memaklumkan kepada Peraku dan Pelulus untuk meluluskan dengan kadar segera sebelum tarikh penjanaan baki cuti semasa (jumlah bawa baki dari tahun 2023 & kelayakan cuti tahunan) iaitu selewat-lewatnya pada 3 Januari 2024 .
13.	Sekiranya pegawai telah memohon cuti rehat pada 26 Disember 2023, namun pegawai telah jatuh sakit dan diberikan cuti sakit pada tarikh cuti rehat yang telah diluluskan. Adakah cuti rehat tersebut boleh dibatalkan dan digantikan dengan cuti sakit?	Boleh dengan syarat pegawai menyerahkan sijil cuti sakit kepada Kerani Cuti PTJ sebelum tarikh penjanaan baki cuti semasa (jumlah bawa baki dari tahun 2023 & kelayakan cuti tahunan) iaitu selewat-lewatnya pada 3 Januari 2024 .



NARATIF BAHARU UKM
**UNIVERSITI
ATAN KITA**

**JABATAN
PENDAFTAR**

**PERMOHONAN MEMBAWA BAKI CUTI REHAT
KE TAHUN 2024 DAN / ATAU PENGUMPULAN GCR TAHUN 2023**

PERMOHONAN DALAM TALIAN DIBUKA:

**1 DIS 2023
JUMAAT** HINGGA **31 DIS 2023
AHAD**

**PENGESAHAN PERMOHONAN OLEH PELULUS CUTI
& PENGESAH CUTI LUAR NEGARA:**

**1 DIS 2023
JUMAAT** HINGGA **3 JAN 2024
RABU**

***Pastikan semua permohonan cuti rehat tahun 2023 diluluskan sebelum permohonan dibuat**

PERINGATAN: Sebarang Rayuan Selepas 31 Disember 2023 Tidak Akan Dipertimbangkan



smk.ukm.my/ecuti



uesp.bsm@ukm.edu.my



03-8911 8222 / 8239 / 8254

PPSM: Kemudahan Cuti, Ceraian SR.5.1.6

PPSM: Persaraan dan Faedah Persaraan, Ceraian PP.1.3.1